



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH  
PERTANDINGAN KUIZ KUALITI AIR SUNGAI

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**15 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**  
**10.30 PAGI**

**AUTOCITY JURU**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Dato' Gu Han Weng**  
Pengarah Urusan  
Zerex Resources (M) sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Cik Phang Wai Leng**  
Bendahari  
*Water Watch Penang*

**Yang Berusaha Encik Gary Teoh Kiang Hong**  
Pengurus Besar Autocity Group

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ahli Pasukan *Water Watch Penang***

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**  
-----

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita pada hari ini kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul sekali lagi mengadakan kerjasama dengan *Water Watch Penang* dan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam memberikan latihan pendidikan dan kesedaran tentang kualiti air terutamanya air-air sungai di Seberang Perai. Terima kasih kepada pihak *Water Watch Penang* kerana menawarkan jurulatih-jurulatih untuk memberi latihan pendidikan dan kesedaran kualiti air sungai kepada guru-guru dan murid-murid daripada 17 sekolah di Seberang Perai.

Terima kasih juga kepada Encik Gary Teoh Kiang Hong, Pengurus Besar Autocity Group kerana sudi menaja *Smart Hall, Auto City* ini bagi menjayakan program ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Gu Han Weng, Pengarah Urusan, Zerex Resources (M) Sdn. Bhd. kerana sudi menaja hadiah wang tunai sebanyak RM3,200.00 kepada pemenang-pemenang pertandingan kuiz kualiti air sungai ini dan juga mengadakan jamuan bagi kesemua peserta. Terima kasih di atas sokongan padu yang

berterusan dalam memperkasakan pendidikan serta kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai. Diharap penajaan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada guru-guru dan murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Pada tanggal 16 September 2019 (Isnin), Seberang Perai telah mencipta satu sejarah baru dengan pengisytiharan sebagai sebuah bandaraya. Dengan pengisytiharan ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada

**4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita.** Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global kurang daripada *1.5 degree Celcius*. Justeru itu, MBSP telah menetapkan lima (5) komitmen bandaraya iaitu: -

- I. Bandaraya Seberang Perai komited untuk seiring dengan *Penang2030* iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”;
- II. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon;
- III. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berdaya tahan;
- IV. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat; dan

- V. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya kompetitif dan pembangunan Bandar Pintar.

MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organisation*”, MBSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program MBSP serta mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program-program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup yang mengarah ke arah kehidupan yang mampan.

Dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang yang secara tidak langsung merealisasikan hasrat

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MBSP iaitu “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi*” malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat.

**Yang Berbahagia Dato’, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Program Pertandingan Kuiz Kualiti Air Sungai ini merupakan salah satu program “*People Centric*” di mana MBSP bersama-sama dengan *Water Watch Penang* dan USM merasakan sudah menjadi tanggungjawab kita penduduk Seberang Perai untuk sentiasa memikirkan kaedah atau cara bagaimana kita boleh membantu Kerajaan Negeri supaya sungai kita terus terpelihara untuk generasi masa hadapan. Sungai ibarat nadi kehidupan bak kata mutiara “*merawat sungai seperti merawat kehidupan kita*”.

MBSP mensasarkan pada tahun 2030, kualiti air sungai di Seberang Perai diperbaiki dan dipulihkan ke tahap yang wajar (dari Kelas III ke Kelas II) untuk memastikan sungai ini dikunjungi dan digunakan oleh semua orang serta dapat menikmati keindahan dan kebaikan daripadanya.

Oleh itu bagi tujuan tersebut, MBSP telah merancang pelbagai program dengan menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *private and philanthropy partnership* MBSP telah berjaya bekerjasama dengan pihak swasta merawat dan memulihkan kualiti sungai-sungai di Seberang Perai.

Tiga (3) sungai di Seberang Perai telah dijadikan sungai angkat kepada badan-badan korporat seperti South Island Garment Sdn Bhd, Amphenol TCS (M) Sdn Bhd, Uchi Electronics dan Armstrong Industrial Company Limited. Sungai tersebut adalah Sungai Derhaka yang diambil sungai angkat oleh South Island Garment Sdn Bhd dan Armstrong Industrial Company, Sungai Junjung Mati oleh Amphenol TCS (M) Sdn Bhd dan kawasan Perai oleh Uchi Electronics. Syarikat-syarikat ini telah mengambil inisiatif membuat bebola tanah atau mudballs untuk dilontarkan ke dalam sungai tersebut setiap bulan.

Selain itu, MBSP juga telah mengadakan program seperti Environment Conservation Awareness Event di Sungai Derhaka pada 24 Mac 2018, World Water Day di Taman Kimsar pada 31 Mac 2018, Sungai Perai Nature Walk pada 29 Julai 2018 dan Perai River Fest pada 22 September 2018 di Taman Ampang Jajar. Program-program sebegini telah mendapat sambutan yang



menggalakkan daripada penduduk setempat dan sekitarnya. Ini merupakan salah satu usaha MBSP membantu Kerajaan Negeri ke arah persekitaran yang lebih baik dan sihat.

Bagi meningkatkan kegiatan eko pelancongan pula, MBSP bersama Think City Sdn. Bhd. sedang berusaha untuk mempromosikan dan meningkatkan eko pelancongan seperti *bird watching*, *river cruise*, perikanan rekreasi untuk meransang ekonomi tempatan (*Local Economic Development*) di sepanjang kawasan Sungai Perai. Sungai juga telah menjadi sumber ekonomi kepada penduduk setempat dalam memperolehi rezeki setiap hari.

MBSP juga menganjurkan Program Pesta Sungai Perai yang merupakan satu program tahunan di bawah Pelan Tindakan Sungai Perai dalam Program Butterworth Baharu. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan sungai dan kepentingan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan sungai dan hidupan di persekitaran sungai.

MBSP mengambil kesempatan ini untuk menyeru warga Seberang Perai supaya memelihara sungai-sungai serta sistem saliran di Seberang Perai dari sebarang bentuk pencerobohan dan pencemaran. Sayangi dan

hargailah sumber air yang kita ada kerana sumber ini merupakan keperluan utama bagi kita meneruskan aktiviti harian kita.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

MBSP telah bersama dengan *Water Watch Penang* mengadakan latihan pendidikan dan kesedaran kualiti air sejak pelancaran pada 18 Mac 2017. Semasa pelancaran, hanya sebanyak tujuh (7) buah sekolah menengah yang terlibat pada peringkat awalnya. Alhamdulillah sehingga kini, sebanyak 17 sekolah telah dipilih menyertai program ini.

Guru-guru dan murid-murid daripada 17 sekolah di Seberang Perai telah didedahkan kepada teori, latihan amalan fizikal, kimia dan kehidupan air semasa sesi latihan pada hari Sabtu keempat setiap bulan di Taman Eko Rimba Cherok Tok'un, Bukit Mertajam. Terima kasih kepada Profesor Dr Chan Ngai Weng dan pasukannya kerana telah membantu memberikan latihan berkenaan dan berkongsi pengalaman.

Tujuan program ini ialah untuk memberi pendekatan secara holistik dalam peranan sungai dan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan air

sungai dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan. Program ini menerapkan pendidikan alam sekitar kepada semua pelajar untuk membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan. MBSP dalam usaha untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Pertandingan Kuiz Pendidikan dan Kesedaran Air Sungai mula diadakan sejak tahun 2018. Tahun ini pertandingan kuiz ini diadakan pagi tadi jam 8.00 hingga 10.45 pagi di Smart Hall Autocity. Pelajar-pelajar ini diuji dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan air dan apa yang telah mereka pelajari. Ianya juga meliputi soalan-soalan yang mempunyai hubung kaitnya dengan pengetahuan di peringkat antarabangsa, nasional, negeri dan MBSP.

Hadiah yang lumayan akan menanti pelajar-pelajar ini sekiranya berjaya. Keseluruhan hadiah adalah RM3,200.00 yang ditaja oleh Syarikat Zerex Resources. Terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Gu Han Weng, Pengarah Urusan, Zerex Resources (M) Sdn. Bhd. atas penajaan ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada bakal-bakal pemenang dan yang tidak berjaya boleh mencuba di lain masa. "*Knowledge Is Power*". Jangan kerana hadiah, anak-anak masuk ke dalam program ini tetapi biarlah kerana kita ingin mencari ilmu, mewujudkan kesedaran dan rasa tanggungjawab kerana ianya akan menjadi lebih bermakna.

MPSP ingin mengucapkan terima kasih kepada *Water Watch Penang* dan Universiti Sains Malaysia (USM), Autocity Group, Zerex Resources (M) Sdn. Bhd. dan guru-guru serta murid-murid yang menyertai pertandingan kuiz ini. Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar dan para pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya. Ini merupakan satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar. Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitian evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**